

SYI'AH DAN AJARANNYA YANG BERTENTANGAN DENGAN AHL AS-SUNNAH WA AL-JAMAAH

Ajaran Syi'ah pada hakikatnya adalah merupakan ciptaan musuh-musuh Islam yang terdiri daripada Yahudi, Nasrani dan Majusi. Untuk kita mengetahui lebih lanjut lagi tentang kelahiran Syi'ah ini marilah kita merenung sejenak sejarah silam iaitu sejarah zaman Khalifah ketiga umat Islam iaitu Khalifah Uthman bin Affan r.a.

Zaman permulaan Islam iaitu pada zaman Khulafa ur-Rasyidin, Islam begitu kuat sehingga tidak mampu diganggu gugat oleh musuh secara berdepan. Sehingga dua kuasa besar pada ketika itu iaitu kerajaan Rom dan Farsi terpaksa tunduk kepada kekuasaan kerajaan Islam. Kerana itu pada zaman Sayyidina Umar r.a. lagi sudah nampak pakatan musuh Islam untuk menghancurkan kekuasaan Islam dan antara perancangan yang dilakukan mereka adalah dengan membunuh khalifah Umar r.a.

Seterusnya pada zaman Sayyidina Uthman r.a. musuh-musuh Islam ini masih lagi tidak mampu untuk menghadapi umat Islam secara berdepan maka mereka telah membuat perancangan untuk menghancurkan Islam dari dalam, maka hasil dari perancangan tersebut muncullah seorang yang bernama Ibnu Saba' yang berpura-pura memeluk Islam tetapi sebenarnya adalah bertujuan untuk menghancurkan Islam dari dalam. Taktik yang digunakan oleh Ibnu Saba' adalah dengan memecah-belahkan kesatuan umat Islam dengan cara menyebarkan ajaran yang bukan berasal dari Islam tapi atas nama Islam.

Ajaran Ibnu Saba' yang kemudiannya diterima oleh golongan Syi'ah sebenarnya adalah berasal dari Yahudi, Nasrani serta Majusi. Di zaman Sayyidina Uthman r.a. Ibnu Saba' telah berjaya menaburkan racunnya kepada golongan-golongan yang baru memeluk agama Islam, tidak kuat keislamannya serta berada jauh dari kalangan sahabat-sahabat r.a.

Namun begitu golongan Syi'ah cuba untuk menafikan kewujudan Ibnu Saba' ini dan mereka mengatakan ianya adalah manusia khayalan yang direka-reka kewujudannya oleh golongan yang memusuhi Syi'ah. Tetapi jika diperhatikan kepada kitab-kitab sejarah samaada dari kalangan Ahlus Sunnah mahupun Syi'ah maka kewujudan Ibnu Saba' ini tidak dapt dinafikan lagi.¹

Umpamanya di dalam kitab rijal yang paling utama di sisi Syi'ah iaitu Ikhtiyaru Ma'rifatir Rijal yang lebih dikenali dengan Rijal Kasyi pengarangnya Abu Ja'far Muhammad bin Al-Hasan Bin Ali At-Thusi telah menukilkan riwayat daripada Imam Ja'far As-Sadiq yang berbunyi:

¹ Penulis telah menulis satu artikel menjawab penafian Syi'ah tentang kewujudan Ibnu Saba'. Antara kandungannya ialah menjawab buku yang ditulis oleh Murtadha Askari.

عن ابن سنان، قال، قال أبو عبد الله عليه السلام: أنا أهل بيت صادقون، لأنخلو من كذاب يكذب علينا، فيسقط صدقنا بكذبه علينا عند الناس، كان رسول الله صلى الله عليه وآله أصدق البرية لهجة، وكان مسيئمة يكذب عليه. وكان أمير المؤمنين عليه السلام أصدق من برأ الله من بعد رسول الله صلى الله عليه وآله، وكان الذي يكذب عليه ويعمل في تكذيب صدقه بما يفتري عليه من الكذب عبد الله بن سبأ لعنه الله

Daripada Ibnu Sinan katanya, Abu Abdillah a.s. berkata, "Sesungguhnya kami Ahlul Bait adalah orang-orang yang benar, kami tidak sunyi daripada pendusta-pendusta yang berdusta atas nama kami lalu gugurlah kebenaran kami di sisi manusia disebabkan oleh pendustaan yang dilakukan atas nama kami. Nabi s.a.w. adalah orang yang paling benar ucapannya dan Musailamah telah berdusta atas namanya. Amirul mukminin (Ali) a.s. adalah orang yang paling benar diciptakan oleh Allah selepas Rasulullah s.a.w. dan orang yang berdusta atas namanya serta berusaha dalam mendustakan kebenarannya dengan mengadakan dusta atas nama beliau adalah Abdullah bin Saba' semoga Allah melaknatnya".²

Di antara tokoh-tokoh Syi'ah yang lain yang menyebutkan perkara sama ialah an-Naubakhti dalam "Firaq asy-Syi'ah" (hal: 43-44), al-Hulli dalam "Kitab al-Rijal" (hal: 469), Mamaqami seorang tokoh ulamak mutaakhir Syi'ah tentang Rijal dalam kitabnya "Tanqihu al-Maqal" Jilid 2 hal: 184), al-Ustarabadi dalam kitab "Manhaju al-Maqal" (hal: 203), Ibnu Abi al-Hadid dalam "Syarah Nahju al-Balaghah" (Jilid 2 hal: 309), Syeikh Abbas al-Qummi dalam kitabnya "Tuhfatu al-Ahbab" (hal: 184) dan lain-lain.

Begitu juga di kalangan tokoh-tokoh ahli Sunnah yang menyebutkan berkenaan ajaran Ibnu Saba' ini dan peranannya dalam memecahbelahkan umat Islam ialah Abu Hasan al-Asyaari dalam "Maqalat al-Islamiyin" (Jilid 1 hal:50), Abdul Qahir al-Baghdadi dalam "al-Farqu Baina al-Firaq" (hal: 233-235), al-Isfiraini dalam "at-Tabsir fi ad-Din" (hal: 108-109), Syahrastani dalam "al-Milal wa an-Nihal" (Jilid 2 hal: 11), at-Tabari dalam "Tarikh al-Umam wa al-Muluk" (Jilid 5 hal 90), Ibnu Kathir dalam "al-Bidayah wa an-Nihayah" (Jilid 7 Hal: 167), Hafiz Ibnu Hajar dalam "Lisan al-Mizan" (Jilid 3 hal: 289), Yaqut Al-Hamawi dalam Mu'jamul Buldan (Jilid 2 hal. 306) dan lain-lain.

1. Aqidah al-Imamah dan al-Walayah

² Rijal Kasyi juz 4 hal 305

Iaitu kepercayaan bahawa Imam-Imam Dua Belas itu dilantik berdasarkan nas dari pihak Allah dan mereka adalah maksum terpelihara dari dosa kecil dan besar serta dari lupa dan lalai.

Kepercayaan ini begitu penting di dalam ajaran Syi'ah, sehingga ia merupakan salah satu syarat keimanan dan dianggap terpenting dari antara rukun-rukun Islam yang lain. Setiap Nabi yang datang telah mengakui keimanan dan walayah Ali dan seseorang yang tidak mengenal Imam-Imamnya dianggap tidak mengenal Allah. Kepercayaan ini terdapat dalam mana-mana kitab Syi'ah terutamanya kitab al-Kafi. Antaranya:

عن فضيل بن يسار، عن أبي جعفر عليه السلام قال: بني الاسلام على خمس: على الصلاة والزكاة والصوم والحج والولاية ولم يناد بشئ كما نودي بالولاية، فأخذ الناس بأربع وتركوا هذه يعني الولاية.

Al-Kulaini meriwayatkan dari Fudhail dari Abi Jaafar a.s. Kata beliau: "Islam ditegakkan di atas lima perkara; sembahyang, zakat, puasa, haji dan walayah. Tidak ada satu pun daripada rukun-rukun yang tersebut yang diseru sebagaimana seruan yang diberikan kepada al-Walayah. Lalu manusia mengambil keempat-empatnya dan meninggalkan yang ini, iaitu walayah."³

Khomeini juga menyebutkan berkenaan dengan kepercayaan kepada imam-imam ini yang antaranya berbunyi:

ان للامام مقاما محمودا لا يبلغه ملك مقرب ولا نبي مرسل.

Bermaksud: "Sesungguhnya imam itu mempunyai kedudukan yang terpuji yang tidak sampai kepadanya malaikat yang hampir kepada Allah dan nabi lagi rasul".⁴

Muhammad Bin Yaakub al-Kulaini meriwayatkan dalam "Ushul Kafi" dari Abi Basir daripada Abi Abdillah Jaa'far as-Sadiq,

عن أبي بصير، عن أبي عبد الله عليه السلام قال أما علمت أن الدنيا والآخرة للامام يضعها حيث يشاء ويدفعها إلى من يشاء، جائز له ذلك من الله

Abu Abdillah a.s. berkata, "Tidakkah engkau (Abu Basir) tahu bahawa sesungguhnya dunia dan akhirat adalah kepunyaan Imam. Dia boleh meletakkannya di mana dikehendaki dan

³ al-Usul Min al-Kafi - jil. 2 hal. 20

⁴ al-Hukumah al-Islamiah - hal 52

memberikan kepada sesiapa yang dikehendakinya. Itu adalah satu kebenaran dari pihak Allah kepadanya".⁵

Berdasarkan kepada riwayat ini jelas Syi'ah telah melakukan perbuatan mensyirikkan Allah taala dengan memberikan hak menguasai dunia dan akhirat kepada imam-imam mereka sedangkan ianya adalah hak Allah taala.

Di dalam kitab At-Tauhid pengarangnya Syeikh Saduq telah mengemukakan satu riwayat daripada Imam Jaa'far as-Sadiq yang berbunyi:

عن أبي عبدالله عليه السلام في قول الله عزوجل: كل شيء هالك إلا وجهه قال: نحن.

Daripada Abu Abdillah (Jaa'far as-Sadiq) berkenaan firman Allah ""Segala sesuatu akan binasa kecuali wajahNya" beliau berkata, "Kamilah (wajah Allah itu)".⁶

Syi'ah telah mensyirikkan Allah taala dengan memberikan sifat Allah (tidak binasa) kepada imam-imam mereka berdasarkan kepada riwayat tersebut.

سمعوا أبا عبدالله عليه السلام يقول: إني لأعلم ما في السماوات وما في الارض وأعلم ما في الجنة وأعلم ما في النار، وأعلم ما كان وما يكون، قال: ثم مكث هنيئة فرأى أن ذلك كبر على من سمعه منه فقال: علمت ذلك من كتاب الله عزوجل

Mereka (perawi-perawi) mendengar Aba 'Abdillah a.s. berkata: "Sesungguhnya aku mengetahui apa yang ada di langit-langit dan bumi dan aku mengetahui apa yang terdapat di dalam syurga serta apa yang terdapat di dalam neraka dan aku mengetahui segala yang telah berlaku dan akan berlaku". Perawi berkata: "Kemudian dia diam seketika lalu mendapati perkara tersebut berat kepada orang yang mendengarnya lalu ia berkata: "Aku mengetahui perkara tersebut daripada kitab Allah 'azzawajalla".⁷

2. Aqidah Takfir as-Sahabah (Aqidah Mengkafirkan Sahabat).

Iaitu akidah tentang majoriti para sahabat telah murtad yang tidak tersembunyi kepada sesiapa sahaja yang pernah membaca kitab-kitab Syi'ah, sehingga bolehlah dikatakan tidak ada sebuah kitab Syi'ah yang muktabar terutamanya yang ditulis oleh ulamak-ulamak

⁵ Al-Kafi jil. 1 hal. 409 Bab Dunia Ini Semuanya Kepunyaan Imam

⁶ At-Tauhid Syeikh Saqud Bab Tafsir Firman Allah Taala 'Segala Perkara Akan Binasa Kecuali Wajahnya hal 151, Tafsir Maqbul Ahmad

⁷ Usul al-Kafi jil. 1 hal 262

mereka yang lalu melainkan pasti tersebut di dalamnya riwayat-riwayat yang mengkafirkan atau memurtadkan para sahabat atau melaknat, memaki hamun dan melakukan tabarri (tabarra – yakni menyatakan sikap berlepas diri dan tidak mempunyai hubungan kasih sayang) terhadap mereka. Tidak terlepas daripada tuduhan-tuduhan mereka sahabat-sahabat besar Rasullullah s.a.w sekalipun seperti Sayyidina Abu Bakar, Umar, Uthman, Abdul Rahman bin 'Auf, isteri-isteri Rasullullah s.a.w dan lain-lain.

Al-Kulaini meriwayatkan dari Abu Jaafar a.s. kata beliau: “Para sahabat telah menjadi murtad sepeninggalan Rasullullah s.a.w kecuali tiga orang dari mereka.” Aku bertanya (kata perawi): “Siapakah yang tiga itu?” Abu Jaafar menjawab: “Miqdad bin al-Aswad, Abu Zar al-Ghifari dan Salman al- Farisi”.⁸

Bahkan mereka mengatakan bahawa imam Ja'far As-Sadiq mejadikan laknat beberapa orang sahabat sebagai wirid selepas sembahyangnya sebagaimana yang dinukilkan oleh Al-Kulaini:

عَنِ الْحُسَيْنِ بْنِ ثَوَيْرٍ وَ أَبِي سَلَمَةَ السَّرَّاجِ قَالَا سَمِعْنَا
 أَبَا عَبْدِ اللَّهِ (ع) وَ هُوَ يَلْعَنُ فِي دُبُرِ كُلِّ مَكْتُوبَةٍ أَرْبَعَةَ
 مِنَ الرِّجَالِ وَ أَرْبَعاً مِنَ النِّسَاءِ فُلَانٌ وَ فُلَانٌ وَ فُلَانٌ وَ
 مُعَاوِيَةَ وَ يُسَمِّيهِمْ وَ فُلَانَةَ وَ فُلَانَةَ وَ هِنْدُ وَ أُمُّ الْحَكَمِ
 أُخْتُ مُعَاوِيَةَ

Daripada Husain dan Abi Salamah katanya: “Kami mendengar Abu Abdillah a.s. melaknat selepas setiap sembahyang fardhu empat orang lelaki dan empat orang perempuan iaitu si-fulan, si-fulan, si-fulan dan Mu'awiyah serta ia menyebut nama mereka dan si-fulanah, si-fulanah, Hindun dan Ummul Hakam saudara perempuan Mu'awiyah”.⁹

Yang dimaksudkan dengan "si-fulan" di dalam kitab-kitab Syi'ah adalah yang pertama Abu Bakar r.a., kedua Umar r.a. dan ketiga Uthman r.a. sementara "si-fulanah" adalah yang pertama Aisyah r.a. dan kedua Hafsah r.a.

3. Aqidah ar-Raj'ah

Iaitu salah satu aqidah Syi'ah yang jelas bercanggah dengan ajaran Islam iaitu kepercayaan tentang akan dibangkitkan para Imam sebelum qiamat untuk menuntut bela atau menghukum orang-orang zalim yang telah merampas hak-hak mereka. Kepercayaan ini merupakan perkara yang telah diijmakkan oleh para ulamak Syi'ah. Antaranya Syeikh Mufid menyebutkan:

⁸ Ar-Raudhah Min al-Kafi – jil. 8 hal. 245

⁹ Al-Kafi jilid 3 hal. 343

"واتفقت الإمامية على وجوب رجعة كثير من الأموات"

Bermaksud: "Golongan Imamah sependapat tentang wajibnya raj'ah (kembali) sebahagian besar dari orang-orang mati ke dunia sebelum qiamat".¹⁰

4. Tahrif al-Quran.

Iaitu kepercayaan bahawa al-Quran yang ada di tangan umat Islam kini sudah berlaku tokok tambah, pengurangan, penambahan dan penyelewengan padanya.

Akidah ini merupakan satu akidah yang sangat penting di sisi Syi'ah sehingga ulamak-ulamak mereka menganggap ianya adalah merupakan dharuriat ajaran Syi'ah. Perkara ini disebutkan oleh seorang ulamak tafsir terkemuka Syi'ah Sayyid Hashim al-Bahrani di dalam kitabnya Tafsir al-Burhan.

Di antara ulamak Syi'ah yang mengakui berlakunya tahrif kepada al-Quran adalah Allamah Husain bin Muhammad Taqiy an-Nuuri at-Thabarsi bilamana beliau menukilkan kata-kata Sayyid Ni'matullah al-Jazaairi di dalam kitabnya Al-Anwar An-Nu'maniyyah yang berbunyi:

أن الأصحاب قد أطبقوا على صحة الأخبار المستفيضة
بل المتواترة الدالة بصريحها على وقوع التحريف
في القرآن

Bermaksud: "Sesungguhnya tokoh-tokoh Syi'ah telah sepakat tentang sahinya hadith-hadith yang sampai ke peringkat mutawaatir yang menunjukkan dengan jelas tentang berlakunya penyelewengan terhadap al-Quran."¹¹

Kitab-kitab utama Syi'ah juga tidak sunyi daripada mengemukakan riwayat-riwayat daripada imam-imam maksum mereka berkenaan aqidah ini. Antaranya apa yang dikemukakan oleh al-Kulaini di dalam kitabnya yang berbunyi:

عن جابر قال: سمعت أبا جعفر عليه السلام يقول: ما ادعى أحد من الناس أنه جمع القرآن كله كما أنزل إلا كذاب، وما جمعه وحفظه كما نزله الله تعالى إلا علي بن أبي طالب عليه السلام والائمة من بعده عليهم السلام

¹⁰ Awaail al-Maqalat, hal. 52

¹¹ Fashl al-Khitab Fi Tahrif Kitabi Rab al-Arbab hal. 31

Bermaksud: Daripada Jabir katanya, aku mendengar Abu Ja'far a.s. berkata: "Tidaklah seseorang itu mendakwa bahawa ia telah mengumpulkan al-Quran kesemuanya sebagaimana diturunkan melainkan ia adalah seorang pendusta, al-Quran tidak dihimpunkan dan dihafal sebagaimana diturunkan oleh Allah Taala kecuali Ali bin Abi Talib a.s. dan imam-imam selepasnya a.s."¹²

Di tempat yang lain Al-Kulaini mengemukakan riwayat berkenaan pengumpulan al-Quran yang sebenar oleh Sayyidina Ali r.a. sebagaimana berikut:

عن سالم بن سلمة قال: قرأ رجل على أبي عبد الله عليه السلام وأنا أستمع حروفا من القرآن ليس علي ما يقرؤها الناس، فقال أبو عبد الله عليه السلام: كف عن هذه القراءة اقرأ كما يقرأ الناس حتى يقوم القائم فإذا قام القائم عليه السلام قرأ كتاب الله عز وجل على حده وأخرج المصحف الذي كتبه علي عليه السلام وقال: أخرجه علي عليه السلام إلى الناس حين فرغ منه وكتبه فقال لهم: هذا كتاب الله عز وجل كما أنزله [الله] على محمد صلى الله عليه وآله وقد جمعته من اللوحين فقالوا: هو ذا عندنا مصحف جامع فيه القرآن لا حاجة لنا فيه، فقال أما والله ما ترؤنه بعد يومكم هذا أبدا، إنما كان علي أن أخبركم حين جمعته لتقرؤوه.

Bermaksud: Daripada Salim bin Salamah katanya: "Ada seorang membaca al-Quran kepada Abi Abdillah a.s. dan aku mendengar dengan teliti beberapa ayat al-Quran bukan sebagaimana yang dibaca oleh orang ramai, lalu Abu Abdillah a.s. berkata, "Berhentilah daripada bacaan sebegini, bacalah sebagaimana yang dibaca oleh orang ramai sehingga bangkit Al-Qaim (imam mahdi), bilamana Al-Qaim a.s. bangkit dia akan membaca kitab Allah 'Azzawajalla yang sebenar dan dia akan mengeluarkan mushaf yang ditulis oleh Ali a.s. Abu Abdillah a.s. berkata lagi: "Ali a.s. telah mengeluarkan al-Quran tersebut kepada orang ramai (sahabat-sahabat) setelah dia selesai daripada menghimpunkan dan menulisnya lalu dia berkata kepada mereka, "Ini adalah kitab Allah 'Azzawajalla sebagaimana yang Ia turunkan kepada Muhammad s.a.w. dan aku telah himpункannya daripada dua lauh". Maka mereka (sahabat-sahabat) berkata: "Di sisi kami telahpun ada mushaf yang terhimpun di dalamnya al-Quran, kami tidak lagi berhajat kepadanya". Lalu dia (Ali a.s.) berkata: "Ketahuilah demi Allah! Kamu tidak akan dapat melihatnya selama-

¹² Usul Al-Kafi jil. 1 hal. 228

lamanya selepas hari ini, kewajipan atasku hanyalah menceritakan kepada kamu setelah aku menghimpunkannya supaya kamu membacanya".¹³

Di dalam "Bashaair ad-Darajat" pengarangnya yang merupakan salah seorang murid imam yang kesebelas di sisi Syi'ah iaitu Hasan Al-Askari a.s. telah mengemukakan satu riwayat yang berbunyi:

عن جابر قال: قال أبو جعفر (ع): دعا رسول الله أصحابه بمنى، فقال: يا أيها الناس! إنني تارك فيكم حرمة الله: وعترتي، والكعبة البيت الحرام ثم قال أبو جعفر: أما كتاب الله فحرفوا، وأما الكعبة فهدموا، وأما العترة فقتلوا.

Bermaksud: Daripada Jabir katanya, Abu Jaa'far a.s. berkata: Rasulullah s.a.w. telah menyeru sahabat-sahabatnya di Mina lalu berkata: "Wahai manusia! Sesungguhnya aku telah meninggalkan di kalangan kamu beberapa perkara yang diharamkan oleh Allah, Ithrahku (ahlul bait) dan ka'bah bait Allah al-Haram. Kemudian Abu Jaa'far a.s. berkata: "Adapun kitab Allah maka mereka telah menyelewengkannya, adapun ka'bah mereka telah merobohkannya dan adapun ahlul bait mereka telah membunuhnya".¹⁴

Bahkan di dalam kitab-kitab terdapat pengakuan daripada ulama Syi'ah berkenaan berlakunya tahrif al-Quran. Antaranya Ali bin Ibrahim al-Qummi pengarang kitab tafsir tertua di sisi Syi'ah menyebutkan di dalam mukaddimahya:

فالقرآن منه ناسخ، ومنه منسوخ، ومنه محكم، ومنه متشابه، ومنه عام، ومنه خاص، ومنه تقديم، ومنه تأخير، ومنه منقطع، ومنه معطوف، ومنه حرف مكان حرف، ومنه على خلاف ما انزل الله

Bermaksud: Al-Quran di antara ayatnya ada yang memansuhkan, ada yang dimansuhkan, ada yang muhkam dan ada yang mutasyabih, ada yang umum dan ada yang khusus, ada yang terdahulu dan ada yang terkemudian, ada yang terputus dan ada yang bersambung, ada yang diletakkan satu huruf di tempat satu huruf yang lain dan di antaranya ada yang berlainan dari apa yang diturunkan oleh Allah Taala.¹⁵

Bahkan pentahqiq kepada kitab tafsir tersebut menjelaskan apakah yang dimaksudkan dengan "Ada yang berlainan dari apa yang diturunkan oleh Allah Taala" dengan katanya:

¹³ Usul Al-Kafi jil. 2 hal. 633

¹⁴ Bashaair ad-Darajat juz 8 bab yang ke tujuh belas.

¹⁵ Tafsir Al-Qummi, Mukaddimah juz 1 hal. 6

مراده رحمه الله منه الآيات التي حذفت منها الفاظ على الظاهر كآيات التي نزلت في امير المؤمنين عليه السلام مثل قوله تعالى يا ايها الرسول بلغ ما انزل اليك من ربك (في علي عليه السلام)

Maksud Imam al-Qummi adalah antaranya ayat-ayat yang dibuang daripadanya lafaz-lafaz secara zahir (penyelewengan pada lafaz al-Quran itu sendiri bukan maknanya) seperti ayat-ayat yang turun berkenaan Amirul Mukminin Ali a.s. seperti firman Allah Taala:

يا ايها الرسول بلغ ما انزل اليك من ربك (في علي عليه السلام)

Allamah Muhammad Baqir Al-Majlisi telah mengemukakan dalil dari segi pandangan logik yang menunjukkan berlakunya tahrif dalam al-Quran di mana beliau berkata:

والعقل يحكم بأنه إذا كان القرآن متفرقا منتشرا عند الناس وتصدى غير المعصوم لجمعه يمتنع عادة أن يكون جمعة كاملا موافقا للواقع، لكن لا ريب في أن الناس مكلفون بالعمل بما في المصاحف وتلاوته حتى يظهر القائم وهذا معلوم متواتر من طريق أهل البيت..عليهم السلام وأكثر أخبار هذا الباب مما يدل على النقص والتغيير

Bermaksud: Akal menghukum bahawa bilamana al-Quran itu berselerak dan bertebaran di sisi orang ramai dan orang yang tidak maksum tampil untuk menghimpunkannya maka dari segi adatnya terhalang untuk menjadi satu himpunan yang sempurna serta menepati kenyataan, akan tetapi tidak diragui lagi bahawa manusia ditakliffkan supaya beramal dengan apa yang terdapat di dalam mushaf-mushaf dan membacanya sehingga Al-Qaim (imam Mahdi Syi'ah) muncul. Ini merupakan suatu yang sudah dimaklumi serta mutawatir melalui jalan ahlul bait a.s. dan kebanyakan hadis-hadis berkenaan bab ini menunjukkan kepada berlakunya pengurangan dan perubahan (dalam al-Quran).¹⁶

Dan banyak lagi riwayat-riwayat dari imam-imam maksum di sisi Syi'ah yang menyebutkan berkenaan penyelewengan al-Quran di dalam kitab-kitab utama mereka seperti Tafsir al-'Ayyasyi, Tafsir al-Qummi, Bashaair ad-Darajat, Al-Anwar An-Nu'maniyyah dan lain-lain lagi.

¹⁶ Mir'at al-'Uqul Fi Syarh Ahadis ar-Rasul jil. 1 hal. 171

5. Al-Bada'

Bada' bermakna:

1. Nyata atau jelas sesuatu setelah tersembunyi seperti yang terpakai dalam firman Allah yang berbunyi:-

وَبَدَا لَهُمْ مِنَ اللَّهِ مَا لَمْ يَكُونُوا يَحْتَسِبُونَ

“Dan jelaslah bagi mereka azab dari Allah yang tidak pernah terfikir oleh mereka”.¹⁷

2. Timbul fikiran baru tentang sesuatu setelah melihat keadaan yang berlainan dari apa yang ada dalam pengetahuan seseorang sebelumnya. Ini terpakai dalam firman Allah yang berbunyi:

ثُمَّ بَدَا لَهُمْ مِنْ بَعْدِ مَا رَأَوْا الْآيَاتِ لَيْسَ جُنَّةً حَتَّىٰ حِينٍ

Kemudian timbul fikiran pada mereka setelah melihat tanda-tanda (kebenaran Yusuf) bahawa mereka mesti memenjarakannya hingga ke suatu masa.¹⁸

Kesimpulannya Bada' bererti jahil tidak mempunyai ilmu yang meliputi. Golongan Syi'ah mempercayai Allah bersifat dengan sifat al-Bada'.

Di dalam al-Kafi terdapat satu riwayat yang dikemukakan oleh al-Kulaini dari ar-Rayyan Bin as-Salt, dia berkata: “Aku mendengar ar-Ridha a.s berkata: “Tidak ada seorang pun nabi yang diutus Allah melainkan ia membawa ajaran tentang haramnya arak dan ajaran yang memperakui Allah bersifat dengan al-Bada'”.¹⁹

Hakikat Bada' ini dihuraikan oleh satu riwayat lain dengan lebih jelas lagi, iaitu riwayat yang dikemukakan oleh al-Kulaini juga dari Abi Hasyim al-Ja'afari katanya: “Pernah aku berada di samping Abi al-Hassan a.s. sepeninggalan anaknya Abu Ja'afar. Ketika itu aku berfikir di dalam diriku dan mahu menceritakan kepadanya apa yang terlintas di hatiku. Seolah-olah Abu Ja'afar dan Abu Muhammad dalam keadaan ini seperti Abu al-Hassan bin Musa dan Ismail bin Ja'afar bin Muhammad. Kisah kedua-duanya sama kerana Abu Muhammad yang diharapkan (menjadi Imam sepeninggalan Abu Ja'afar). Tiba-tiba Abu al-Hassan menghadap ke arahku sebelum lagi aku menceritakan isi hatiku kepadanya, terus dia berkata: “Ya, Wahai Abu Hasyim memang telah berlaku kepada Allah berhubung dengan Abu Muhammad sepeninggalan Abu Ja'afar apa yang Ia (Allah) tidak mengetahui

¹⁷ Surah Az-Zumar Ayat 47

¹⁸ Surah Yusuf ayat 35

¹⁹ Al-Usul Min al-Kafi jil. 1 hal.148

sebelumnya seperti mana telah berlaku kepada Allah tentang Musa sepeninggalan Ismail. Perkara ini memang seperti apa yang terlintas di hatimu walaupun tidak disenangi oleh orang-orang yang sesat. Abu Musa adalah anakku yang menjadi pengganti sesudahku kerana padanya ada pengetahuan yang diperlukan dan bersamanya ada alat Imamah".²⁰

An-Naubakhti menyebutkan bahawa Ja'afar bin Muhammad al-Baqir telah menentukan anaknya Ismail sebagai Imam sesudahnya dan beliau telah mengisytarkan kepadanya semasa hidup lagi, tiba-tiba Ismail mati ketika beliau masih hidup. Maka Ja'afar pun berkata: "Tidak pernah berlaku kepada Allah (al-Bada') berhubung dengan sesuatu seperti mana berlaku kepadanya berhubung dengan Ismail anakku".²¹

5. Kahwin mut'ah iaitu kahwin kontrak.

Iaitu perzinaan di atas nama Islam. Satu bentuk perkahwinan yang tidak memerlukan tanggungjawab, nafkah, pusaka dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan perkahwinan yang berkekalan. Perkahwinan yang semata-mata berlandaskan nafsu dan untuk berseronok.

Al-Kulaini menukilkan satu riwayat berkenaan mut'ah daripada imam Muhammad al-Baqir:

عن محمد بن مسلم، عن أبي جعفر (ع في المتعة قال : ليست من الاربع لانها لاتطلق ولاثرث وإنما هي مستأجرة

Bermaksud: Daripada Muhammad bin Muslim daripada Abu Ja'far a.s. berkenaan mut'ah katanya: "Mereka-mereka itu (perempuan) bukan dari kalangan empat isteri kerana mereka tidak diceraikan dan tidak mewarisi. Mereka hanyalah perempuan sewaan".²²

Dalam riwayat yang lain pula Kulaini menukilkan:

عن زرارة، عن أبي عبدالله قال: لا تكون متعة إلا بأمرين أجل مسمى وأجر مسمى

Bermaksud: Daripada Zurarah daripada Abu Abdillah a.s. katanya: "Tidak berlaku mut'ah kecuali dengan dua perkara iaitu tempoh yang ditentukan dan mahar yang ditentukan".²³

Kulaini juga mengemukakan riwayat berkenaan mahar yang diperlukan ketika melakukan mut'ah:

²⁰ Al-Usul Min al-Kafi jil. 1 hal. 327

²¹ Firaq as-Syi'ah hal. 84

²² Al-Furu' min al-Kafi jil. 5 hal. 284

²³ ibid hal. 286

عن الاحول قال: قلت لابي عبدالله (ع: أدنى مايتزوج به المتعة؟ قال: كف من بر

Daripada Ahwal katanya, aku berkata kepada Abi Abdillah a.s.: “Berapakah mahar yang paling sedikit untuk perkahwinan mut’ah? Lalu dia menjawab: “Segenggam gandum”.²⁴

Di tempat yang lain Kulaini menukikkan riwayat daripada Imam maksum tentang tempoh mut’ah:

محمد، عن أحمد بن محمد، عن محمد بن خالد، عن خلف بن حماد قال: أرسلت إلى أبي الحسن (ع: كم أدنى أجل المتعة؟ هل يجوز أن يتمتع الرجل بشرط مرة واحدة؟ قال: نعم

Daripada Khalaf bin Hammad katanya, Aku mengutuskan orang kepada Abil Hasan a.s. (supaya bertanya): “Berapakan tempoh paling singkat untuk melakukan mut’ah, adakah harus seseorang bermut’ah dengan syarat (persetubuhan) sekali sahaja? Ia menjawab: “Ya”.²⁵

6. Taqiyyah.

Iaitu menyembunyikan sesuatu yang terdapat dalam hati dan menyatakan yang sebaliknya. Dalam ertikata yang mudah ianya adalah berbohong yang di atasnamakan Islam. Ajaran ini adalah merupakan ajaran yang sangat penting dalam ajaran Syi’ah sehingga sembilan persepuluh dari ajaran Syi’ah terletak pada taqiyyah²⁶ dan ia merupakan satu senjata yang sangat ampuh bagi ajaran ini.

Untuk menjelaskan hakikat taqiyyah ini Al-Kulaini mengemukakan satu riwayat yang berbunyi:

قال أبو عبدالله عليه السلام: يا معلى اكرمنا ولا تدعه، فإنه من كتم أمرنا ولم يذعه أعزه الله به في الدنيا وجعله نورا بين عينيهِ في الآخرة، يقوده إلى الجنة، يا معلى من أذاع أمرنا ولم يكتمه أذله الله به في الدنيا ونزع النور من بين عينيهِ في الآخرة

²⁴ ibid jil. 5 hal.286

²⁵ ibid j.5 hal. 291

²⁶ Usul al-kafi jil.2 hal 217

وجعله ظلمة تقوده إلى النار، يا معلى إن التقية
من ديني ودين آبائي ولادين لمن لاتقية له

Abu Abdillah a.s. berkata: "Wahai Mu'alla! Sembunyikan urusan (agama) kami dan jangan nyatakannya, kerana sesungguhnya orang yang menyembunyikan agama kami dan tidak menyatakannya akan dimuliakan oleh Allah di dunia dan Allah akan menjadikannya sebagai cahaya di antara dua matanya di akhirat yang akan membawanya ke syurga. Wahai Mu'alla! Orang yang menyatakan agama kami dan tidak menyembunyikannya akan di hina oleh Allah di dunia dan Allah akan membuang cahaya di antara dua matanya di akhirat dan akan menjadikannya kegelapan yang mengeretnya ke neraka. Wahai Mu'alla! Sesungguhnya taqiyyah adalah agamaku dan agama datuk nenekku dan tidak ada agama bagi orang yang tidak bertaqiyyah".²⁷

عن مسعدة ابن صدقة، عن أبي عبدالله عليه السلام قال:
ذكرت التقية يوما عند علي بن الحسين عليهما السلام
فقال: والله لو علم أبوذر ما في قلب سلمان لقتله

Daripada Mas'adah daripada Abu Abdillah a.s. katanya: "Pada suatu hari disebutkan taqiyyah dekat Ali bin Al-Husain a.s. lalu dia berkata: "Demi Allah kalaulah Abu Zar mengetahui apa yang terdapat di dalam hati Salman tentu dia akan membunuh Salman".²⁸

Di dalam kitab rijal yang tertua di sisi Syi'ah pengarangnya mengemukakan riwayat yang kononnya daripada Rasulullah s.a.w. yang berbunyi:

عن أبي بصير، قال سمعت أبا عبدالله عليه السلام يقول:
قال رسول الله صلى الله عليه وآله: يا سلمان لو عرض علمك
على مقداد لكفر، يا مقداد لو عرض علمك على سلمان
لكفر.

Daripada Abu Basir katanya, aku mendengar Abu Abdillah a.s. berkata: Rasulullah s.a.w. berkata: "Wahai Salman, kalaulah dikemukakan ilmumu kepada Miqdad pasti Miqdad akan menjadi kufur. Wahai Miqdad! Kalaulah dikemukakan ilmumu kepada Salman pasti Salman akan menjadi kufur".²⁹

Orang yang tidak menyembunyikan ajaran Syi'ah seperti membunuh imam-imam:

²⁷ Usul al-Kafi jil. 2 hal 225

²⁸ Usul al-Kafi jil. 1 hal 402

²⁹ Rijal al-Kasyi jil. 1 hal. 48

يونس بن يعقوب، عن بعض أصحابه، عن أبي عبد الله عليه السلام قال: ما قتلنا من أذاع حديثنا قتل خطأ ولكن قتلنا قتل عمد.

Daripada Yunus bin Yaa'kub daripada sebahagian sahabat-sahabatnya dari Abi Abdillah a.s. katanya: "Orang yang menyatakan hadis kami tidak membunuh kami secara tersilap tetapi dia telah membunuh kami secara sengaja".³⁰

Empat riwayat ini pun sudah cukup untuk menjelaskan hakikat taqiyyah di dalam ajaran Syi'ah. Kerana senjata taqiyyah inilah ajaran Syi'ah dapat menyelinap masuk ke dalam tengah-tengah masyarakat Ahlus Sunnah dan seterusnya memperdaya mereka sehingga akhir sekali dalam keadaan tidak sedar golongan Ahlus Sunnah satu demi satu berjaya di Syi'ahkan dan boleh menerima segala ajaran-ajaran yang tidak masuk akal di dalam ajaran Syi'ah.

Syi'ah juga mengatakan Imam-imam maksum mereka mengajarkan taqiyyah ketika melakukan amalan bilamana bersama Ahlus Sunnah. Antaranya:

وروي " أن العلة في ذلك أن الله تعالى فرض على الناس خمس صلوات فجعل من كل صلاة فريضة للميت تكبيرة ".
ومن صلى على المرأة وقف عند صدرها، وليس في الصلاة على الميت تسليم إلا في حال التقية.

Dan diriwayatkan bahawa 'illat di dalam perkara tersebut adalah Allah taala telah memfardhukan ke atas manusia lima sembahyang lalu Ia menjadikan daripada setiap sembahyang kefardhuan satu takbir kepada mayat. Sesiapa yang menyembahyangkan ke atas perempuan maka hendaklah dia berdiri dekat dadanya, dan tiada salam di dalam sembahyang ke atas mayat kecuali dalam keadaan taqiyyah.³¹

6. Pandangan Syi'ah terhadap Ahlus Sunnah Wal Jamaah.

Jika dilihat dalam kitab-kitab Syi'ah banyak sekali penghinaan yang diberikan mereka terhadap golongan Ahlus Sunnah. Di kesempatan ini kita akan kemukakan satu riwayat sahaja.

عَنِ ابْنِ أَبِي يَعْفُورٍ عَنْ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ (ع) قَالَ لَا تَغْتَسِلْ مِنْ الْبَيْتِ الَّتِي تَجْتَمِعُ فِيهَا غُسَالَةُ الْحَمَامِ فَإِنَّ فِيهَا

³⁰ Usul min al-Kafi jil. 2 hal. 371

³¹ Man La Yahdhuru al-Faqih jil. 1 hal. 165

غُسَالَةَ وَلَدِ الزَّانَا وَ هُوَ لَا يَطْهَرُ إِلَى سَبْعَةِ آبَاءٍ وَ فِيهَا غُسَالَةُ النَّاصِبِ وَ هُوَ شَرُّهُمَا إِنَّ اللَّهَ لَمْ يَخْلُقْ خَلْقًا شَرًّا مِنَ الْكَلْبِ وَ إِنَّ النَّاصِبَ أَهْوَنُ عَلَى اللَّهِ مِنَ الْكَلْبِ

Daripada Abi Ya'fur daripada Abu Abdillah a.s. katanya: "Jangan mandi dari telaga yang berhimpun padanya air mandian dari bilik mandi kerana padanya terdapat air mandian anak zina dan ia tidak akan bersih sehingga tujuh keturunan dan padanya juga terdapat air mandian 'nasibi' dan ia adalah yang paling buruk diantara keduanya. Sesungguhnya Allah tidak menciptakan makhluk yang lebih buruk dari anjing dan sesungguhnya orang 'nasibi' adalah lebih hina di sisi Allah daripada anjing".³²

Nasibi adalah gelaran yang diberikan mereka kepada Ahlus Sunnah kerana nasibi bermakna orang yang memusuhi Ahlul Bait di sisi Syi'ah. Orang pertama yang memusuhi Ahlul Bait di sisi Syi'ah adalah Abu Bakar as-Siddiq r.a. serta sahabat-sahabat r.a. dan golongan seterusnya yang memusuhi Ahlul Bait di sisi Syi'ah adalah Ahlus Sunnah. Ini kerana Ahlus Sunnah tidak mempercayai serta menganggap Ahlul Bait sebagaimana pegangan mereka.

Hakikat sebenar ajaran Syi'ah.

Kalau diperhatikan kepada ajaran Syi'ah semua ajaran mereka dihubungkan kepada imam-imam Ahlul Bait. Persoalannya apakah benar ajaran mereka berasal dari imam-imam tersebut atau ianya hanyalah tempelan sahaja? Untuk mengetahui hakikat sebenarnya ajaran mereka marilah kita meneliti sejenak apa yang terkandung dalam kitab-kitab mereka sendiri daripada mulut imam-imam mereka sendiri.

أبو خالد الكابلي سمعت علي بن الحسين عليه السلام يقول: ان اليهود أحبوا عزيزا حتى قالوا فيه ما قالوا فلا عزيز منهم ولاهم من عزيز، وأن النصارى أحبوا عيسى حتى قالوا فيه ما قالوا، فلا عيسى منهم ولاهم من عيسى. وانا على سنة من ذلك ان قوما من شيعتنا سيحبونا حتى يقولوا فينا ما قالت اليهود في عزيز، وما قالت النصارى في عيسى بن مريم، فلاهم منا ولا نحن منهم.

Abu Khalid al-Kabuli berkata: "Aku mendengar Ali Zainul Abidin bin al-Husain a.s. berkata: "Sesungguhnya Yahudi mencintai 'Uzair sehingga mereka telah mengatakan sebagaimana yang mereka katakan terhadapnya sedangkan 'Uzair tiada hubungan dengan

³² Al-Furu' min al-Kafi jil. 3 hal. 5

mereka dan mereka juga tiada hubungan dengan 'Uzair. Sesungguhnya Nasara mencintai Isa sehingga mereka telah mengatakan sebagaimana yang mereka katakan terhadapnya sedangkan Isa tiada hubungan dengan mereka dan mereka juga tiada hubungan dengan Isa. Sesungguhnya kami seperti mana mereka juga, sesungguhnya satu kaum dari kalangan Syi'ah kami mencintai kami sehingga mereka mengatakan berkenaan kami sebagaimana yang dikatakan oleh Yahudi kepada 'Uzair dan sebagaimana yang dikatakan oleh Nasara kepada Isa bin Maryam, mereka tiada hubungan dengan kami dan kami tiada hubungan dengan mereka".³³

Hakikat syiah yang sebenar telahpun dijelaskan oleh imam Ja'far as-Sadiq yang didakwa syiah sebagai imam maksum mereka yang keenam bila ia berkata:

ما أنزل الله سبحانه آية في المنافقين الا وهي فيمن
ينتحل التشيع

"Tidak ada satu pun ayat yang diturunkan oleh Allah tentang golongan munafiqin melainkan kandungan ayat itu pasti ada pada orang yang mendakwa Syi'ah".³⁴

Demikianlah dengan serba ringkasnya dibentangkan aqidah-aqidah Syi'ah dari kitab-kitab muktabar mereka. Semoga keterangan-keterangan yang diberikan memberi manfa'at kepada kita semua dan semoga Allah sentiasa membimbing kita di jalan yang lurus Amin ya Rabbal 'Alamin.

³³ Rijal al-Kasyi jil. 2 hal. 120

³⁴ Rijal al-Kasyi jil. 2 hal. 589